

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk bekerjasama dengan pembekal platform digitalisasi perniagaan bagi mewujudkan program digitalisasi usahawan mikro pada harga yang mesra poket usahawan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. MEDAC dan Agensi-agensi di bawahnya telah merangka pelbagai inisiatif dan program bagi memastikan kelangsungan usahawan di Malaysia khususnya mereka yang terjejas akibat COVID-19 ini melalui program digitalisasi usahawan. Program yang dirangka ini merangkumi pelbagai aspek seperti latihan dan bimbingan, geran dan pembiayaan, peningkatan kapasiti dan keupayaan dan akses pasaran.
2. Antara program yang dilaksanakan melibatkan usahawan mikro adalah seperti berikut:
 - (i) **Program Micro Connector** iaitu program kerjasama bersama beberapa pembekal platform seperti IN Global Venture Sdn Bhd dan YEZZA yang menyediakan latihan khusus di peringkat awal bagi perusahaan mikro untuk menubuhkan dan menjalankan perniagaan serta melatih mereka untuk menjana pendapatan melalui aktiviti digitalisasi perniagaan. Pada tahun ini sehingga September 2020, sejumlah 4,619 usahawan telah menyertai dan memulakan perniagaan atas digital platform melalui program Micro Connector;
 - (ii) **Program Women Netpreneur** iaitu program digitalisasi perniagaan yang bertujuan membantu usahawan wanita dalam mempelajari bidang perniagaan khususnya perniagaan dalam talian. Program ini merangkumi sesi adaptasi, bengkel perniagaan dan eDagang dengan kerjasama pembekal platform digitalisasi seperti Lazada, Shopee dan Google di mana peserta wanita diberi pendedahan tentang cara-cara mendaftar syarikat dan menjalankan perniagaan dalam talian berserta bimbingan untuk menyediakan pelan perniagaan mereka. Program ini telah bermula pada bulan September 2020 dengan menyasarkan seramai 400 wanita untuk dilatih menerusi platform secara dalam talian (*video conference*); dan

- (iii) **MEDAC-MTDC I4.0 Accelerator Programme.** Program ini bertujuan membimbing perusahaan mikro, PKS dan koperasi bumiputera dalam mengadaptasi teknologi industri 4.0 dalam perniagaan masing-masing. Seramai 400 usahawan mikro, PKS serta koperasi bumiputera disasarkan sebagai *early adopters* dalam teknologi industri 4.0.
3. MEDAC turut merancang bagi melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan keupayaan usahawan khususnya usahawan mikro melalui pelaksanaan inisiatif berikut:
- (i) **Adoption Of Digital Solutions (ADS)** yang bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan usahawan mikro untuk mengadaptasi solusi digital dalam operasi perniagaan melalui penggunaan perisian dan teknologi dengan kerjasama pelbagai penyedia solusi (solution providers). Program ini mensasarkan 30 usahawan mikro akan dapat meningkatkan produktiviti dan jualan melalui adaptasi solusi digital.
 - (ii) **MyAssist** iaitu platform dalam talian yang menawarkan khidmat nasihat perniagaan dan maklumat, kemudahan kewangan, fasilitasi perdagangan, sokongan teknologi dan padanan perniagaan dan e-dagang.
 - (iii) **ODELA** merupakan satu platform bagi kemudahan *business to business* (B2B), *business to customers* (B2C) dan *customers to customers* (C2C) yang menghubungkan semua rangkaian perniagaan hanya di atas satu platform sahaja merangkumi solusi kewangan, pasaran atas talian dan suai padan geran serta latihan. Platform ini melibatkan kerjasama banyak pihak terutamanya agensi-agensi di bawah MEDAC sendiri sebagai rakan strategik.

Sekian, terima kasih.